*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| Headline | Retired senior civil servants receive RM10,000 as pension every month | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 11 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1351 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,994 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 50,981 |



# 退休高级公仆月领万元

## 敦马：负担太重须检讨

**（亚罗士打 10 日讯）首相敦马哈迪医生指出，政府要重新检讨公务员退休金制度，是因为一些高级公务员的退休金每月可高达 1 万令吉，令政府负担沉重。**

**他说，目前，一些政府高官的月薪 2 万令吉，退休金是 1 万令吉；而在 20 年前，高级公务员的顶薪只是约 6000 或 7000 令吉，退休金约 3000 多令吉。**

马哈迪今日主持国家稻米大会后，在记者会这么说。出席者包括农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁。

他说，这是必须研究的问题，政府须用长时间来检讨公务员退休制度。

[illegible]

他说，在落实前请合约公务员后，政府以后每年能节省 [illegible] 亿令吉退休金。

马哈迪日前指出，目前大马 [illegible] 现有 60 岁，[illegible] 65 岁，政府表明已决定了公务员退休年龄为 60 岁，因此没打算上调退休年龄。[illegible]

较早前，公共服务局也曾指出，[illegible] 40 万 8000 名 [illegible] 万名公务员退休，[illegible]



马哈迪为稻米大会主持开幕后，参观各稻业公司展售产品；右为沙拉胡丁。

政府已在执行缩小公务员人数的决定，从今年开始减少 1%，接下来的 2 年则分别减少 2%，直至 2021 年为止。

据悉，政府支付公务员退休金的开支，逐年增长百分比相当大，2010 年至 2018 年的年增长率达 10.3%，从 115 亿令吉，增至 252 亿令吉。

## 国家稻米经营权开放竞标

农业及农基部长拿督沙拉胡丁说，国家稻米公司的经营权于 2021 年届满后，政府将开放给任何一方，包括农民组织竞标，以取得经营权。

他说，取得经营权的企业，必须遵守合约条件，[illegible] 利注入一个基金内，作为投资或投资，以造福稻农。

他也说，在接收到竞标者的申请并并完成审核符合资格的单位后，农业部会将内阁讨论，作最后定夺。他说，民众误解国家稻米公司只负责进口米的工作和赚大钱，其实，稻米公司必须履行社会责任，包括确保国家食品安全问题、储备米粮，以及向稻农收购稻米等。

## 书到用时 3种退休金福利

**根据公共服务局退休制度，按照退休或被要求退休的公务员将获得享受以下退休金福利：**

1. [illegible]
2. [illegible]
3. [illegible]

**有关恩恤金和退休金的比率取决于可计算的服务期和该官员最后提取的实质工资。**

**计算如下：**

**退休金**

● [illegible]

● [illegible]

**恩恤金**

● 7.5% [illegible]

**现金奖励的计算法是：**

**1/30 x（基本工资+固定津贴）x 累积假期天数最高达 120 天。**

## 建议稻农合并增收成

马哈迪建议稻农与毗邻的稻农合并，以联营方式扩大稻田面积，并采用先进机械及专业良好管理，提高稻米产量。

他也吁请稻农向橡胶和棕油领域经营者学习成功之道，改用大规模种植方式提升稻米的收成，以提高收入。

他说，稻农不能只依赖政府提供补贴援助，因为长期依赖是有害的，反之应改变方式，不要沿用旧时代种植模型种植以及在每年二季种植期才在田里工作。

他在记者会上也促请国内高等学府培训农业包括稻田管理系人才。

他说，橡胶园和油棕园都有经理及专才，稻田也需专业人才管理。

他建议稻农在等待稻米收成或收成后的空档，种植其他蔬果或饲养鸭子与其他牲畜，以增加收入。

## 小型种植无法改善收入

[illegible]

[illegible]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Kemuka cadangan ganti Bernas

**ALOR SETAR** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempelawa mana-mana pihak yang berminat menggantikan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) yang akan tamat kontrak Permit Import beras pada Januari 2021 agar mengemukakan Permohonan Cadangan (RFP) untuk dinilai kerajaan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kementeriannya mengalu-alukan mana-mana pihak termasuk pertubuhan peladang atau swasta yang berminat mendapatkan kontrak tersebut untuk menghantar cadangan mereka dengan segera.



SALAHUDDIN

Menurutnya, pihaknya akan membuat keputusan berdasarkan keupayaan pihak terlibat dalam memenuhi kriteria ditetapkan, selain mampu melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan makanan secara keseluruhan.

"Kita akan beri terma dan syarat merangkumi lima aspek utama termasuk tanggungjawab sosial.

"Saya yakin perkara ini boleh diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari sekarang dan kita akan umum satu keputusan sama ada dianugerahkan kepada peneraju baharu atau meneruskan kontrak Bernas," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Konvensyen Padi peringkat kebangsaan di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Ulat lipat daun perosak padi

**Alor Setar:** Ulat lipat daun dikenal pasti sebagai haiwan perosak paling aktif menyerang tanaman padi, sehingga menyebabkan kerosakan di kawasan sawah seluas 11,686 hektar di Semenanjung Malaysia.

Penolong Pengarah Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian, Emi Faizal Mohd Borham, berkata data mengenai serangan haiwan perosak itu berdasarkan bancian yang dilakukan jabatan sepanjang tahun lalu.

Katanya, serangan kedua tertinggi haiwan perosak membabitkan ulat batang yang menjejaskan tanaman seluas 7,933 hektar, bena perang (2,371 hektar) dan kesing (1,970 hektar).

"Paling kita bimbang adalah bena perang yang menyerang padi berusia 80 hari ke atas. Ia menyerang dengan cara menghisap cairan batang padi sehingga pokok menjadi kering dengan pesawah menggelar serangan ini sebagai 'bom'.

"Serangan bena perang berlaku ketika padi hampir dituai dan pesawah selalunya sudah berasa selamat dan jarang memantau haiwan perosak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

*Konvensyen Padi Kebangsaan 2019*

# Dron percepat sembur racun, baja

## Penggunaan lebih efisien mampu tingkat kuantiti, produktiviti pengeluaran padi

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Penggunaan dron kini mampu mempercepatkan proses meracun dan membaja sawah seluas 10 hektar, yang sebelum ini mengambil masa tiga hari kepada cuma sehari sahaja.

Pegawai Komunikasi Korporat MADACorp, Mohd Yusuf Ahmad, berkata penggunaan dron bagi melakukan kerja semburan racun dan membaja sudah dilakukan di kawasan sawah seluas 5,000 hektar.

Katanya, ketika ini terdapat 10 dron boleh disewa pesawah pada kadar serendah RM20 bagi setiap 0.29 hektar, yang mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti pengeluaran padi di Kedah dan Perlis.

"Setiap relung (0.29 hektar) hanya mengambil masa 15 minit menyembur racun atau baja. Untuk sawah berkeluasan tujuh ke 10 hektar pula, memerlukan masa sehari berbanding tiga hari bagi keluasan sama jika menggunakan tenaga manusia.

"Dron ternyata lebih efisien kerana kipas dron membantu memberi pengaliran angin ke bawah yang membuka pokok padi, agar serapan racun lebih cepat ke sampai ke akar, selain pesawah tidak perlu memijak tanaman seperti dilakukan secara manual," katanya pada Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di sini, semalam, yang dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Yusuf berkata, pihaknya menjangkakan permintaan terhadap perkhidmatan semburan dron dijangka terus meningkat setiap musim, berdasarkan kesedaran petani yang mahu kuantiti dan kualiti padi bertambah.

"Ada juga pesawah yang memiliki kawasan sawah yang luas membeli dron sendiri bagi memudahkan kerja penyemburan, malah kita sendiri sudah menjual tujuh dron kepada pesawah dan koperasi padi.

"Penggunaan dron kini adalah teknologi baharu yang semakin diterima pesawah, yang terbukti dapat meningkatkan pendapatan mereka dan ekonomi negara," katanya.




*Mohd Yusuf (kanan) dan Pegawai Pemasaran MADA Corp, Mohamad Nawal Suaid menunjukkan dron yang digunakan ketika Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di Alor Setar, semalam.* (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr Asfaliza Ramli, berkata kerjasama antara pesawah dengan agensi berkaitan padi diperlukan bagi memastikan isu serta masalah berkaitan industri pengeluaran beras dapat diatasi secara bersama.

Katanya, maklum balas pesawah amat diperlukan, bagi agensi terbabit memperbaiki aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap sesuatu teknologi yang dihasilkan.

"Industri padi negara mampu berkembang kerana semua kemudahannya sudah lengkap merangkumi sistem perairan, teknologi dan varieti padi yang ditanam di setiap jelapang.

"Ini membuktikan pesawah sebenarnya sentiasa mahu maju dan sentiasa inginkan teknologi terkini, bagi menambah baik tanaman yang diusahakan.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh hanya tunjukkan teknologi dan tinggalkan pesawah, sebaliknya kita perlukan maklum balas mereka untuk merangka ke mana arah R&D selepas ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/9/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Pesawah cemerlang ikut jadual MADA

**Alor Setar:** Penerima Anugerah Pesawah Cemerlang 2019, Jaafar Zakaria, meminta pesawah tidak cepat putus asa dan sentiasa mencari teknik tanaman padi terbaik, bagi meningkatkan hasil mereka.

Jaafar, 46, yang berpengalaman menanam padi sejak berusia 15 tahun berkata, pencapaiannya yang mampu meraih pendapatan sehingga RM50,000 semusim bukan datang dengan mudah.

Katanya, pada usia muda beliau mula menanam padi di sawah seluas 0.4 hektar dan pernah berdepan kegagalan, apabila tanamannya tidak mengeluarkan hasil selain diserang haiwan perosak.

"Bukan mudah untuk berjaya kerana saya belajar sendiri pelbagai kaedah tanaman. Ada teknik yang menjadi dan ada yang tidak, namun itu bukan pematah semangat.

"Kegagalan mengajar saya menjadi lebih kuat dan tanpa putus asa, saya terus belajar.

"Melalui bantuan latihan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), saya belajar kaedah penanaman yang betul," katanya pada sesi perkongsian pengalaman pada Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di sini, semalam.

Jaafar yang menjadi ikon pesawah selepas menerima Anugerah Peladang Jaya MADA 2019 berkata, beliau kini mengusahakan 13 hektar sawah milik sendiri di Kerpan dan menyewa sawah di Sanglang.

"Antara rahsia saya adalah melakukan teknik penanaman mengikut jadual yang ditetapkan MADA, bagi memastikan pengeluaran beras adalah berkualiti serta dihasilkan secara konsisten.

"Saya juga akan turun ke sawah dan periksa sendiri keadaan tanaman, walaupun memiliki pekerja kerana ingin memastikan tiada haiwan perosak menyerang pokok padi," katanya.



***Jaafar bersama sijil dan piala Anugerah Pesawah Cemerlang 2019 yang dimenanginya*** *pada Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di Alor Setar semalam.* (Foto Mohamad Hussin/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | SINAR HARIAN | SIHAT:AKTIF | 21 |

# DI SEBALIK KENIKMATAN RAJA BUAH



DARIPADA pelbagai jenis buah-buahan, buah durian umpama mempunyai 'kuasa sakti' luar biasa.

Ramai yang sanggup melakukan apa sahaja termasuk melupakan seketika penyakit yang dideritai mereka sekian lama demi menikmati keenakan raja buah itu.

"Makan dulu, sakit fikir kemudian." Itu pernyataan yang biasa terpacul dalam kalangan orang yang sakit.

Apa pun alasan, durian sebenarnya alah kepada penyakit tertentu.

Menurut laman web *Steemit*, setiap 100gram (g) buah durian mengandungi tujuh hingga 13g gula, bersamaan 140 hingga 180 kalori. Jelas, kenyataan itu memberi peringatan khususnya kepada individu yang menghidap diabetes.

Pun demikian, adakah buah durian hanya mendatangkan bahana? Bukankah segala jenis buah mempunyai manfaat tersendiri. Menjawab pertanyaan itu, *Sihat:Aktif* mendapatkan tiga pakar yang dapat menjelaskan hal itu termasuk mitos-mitos buruk yang dikaitkan dengan durian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | SINAR HARIAN | SIHAT:AKTIF | 22 |

# Lazatnya durian, tetapi...

Dua pakar menjelaskan sama ada raja buah itu boleh dinikmati secara berlebihan oleh mereka yang memiliki penyakit kritikal atau wanita mengandung





Oleh NAIMAH MUHAMMAD
naimah@karangkraf.com

DALAM kalangan masyarakat kita, ada dua jenis makanan yang boleh menyatukan dan boleh 'memecah-belahkan'. Pertama ialah kambing dan kedua, durian. Meskipun itu merupakan percakapan secara seloroh, bagi penulis, kadang-kadang ia ada benarnya.

Apabila bercakap tentang durian, raja buah itu umpama seperti ada 'kuasa sakti'. Orang yang sedang dibelenggu sakit misalnya, adakalanya tidak mengendahkan penyakitnya semata-mata mahu menikmati kepuasan seulas durian. Hal itu selalu terjadi, bukan?

Sebelum pergi jauh, terdapat satu kisah yang ingin penulis kongsikan tentang durian. Seperti adik-beradik lain, penulis berpegang teguh kepada saranan doktor untuk tidak 'membawa masuk' durian ke rumah lantaran ibu penulis yang mempunyai penyakit tiga serangkai.

Namun sudah mahu dijadikan cerita, prinsip yang kami patuh dirobekkan sendiri oleh ibu penulis yang secara diam-diam membeli buah berkenaan dan memakan secara sendirian. Natijahnya, beberapa jam selepas itu, beliau diserang sawan dan sehingga kini wanita pujaan hati penulis itu lumpuh separuh badan. Ada yang pasti 'tragedi' itu kerana durian, namun ada juga yang tidak setuju.

Sesuai dengan musim durian yang sedang hangat berbuah di Malaysia dan Thailand kini, *Sihat:Aktif* mewawancara **Pegawai Dietetik Hospital Universiti Sains Malaysia, Ruqayyah Muhammed** bagi mendapatkan persepsi tentang raja buah itu.

Ketika ditemu bual, Ruqayyah berkata, sudah namanya buah, pastinya ia mempunyai pelbagai kebaikan kesihatan.

"Buah itu mengandungi pelbagai jenis vitamin dan mineral seperti kalsium, magnesium, kalium dan zat besi. Antara kebaikan yang dihasilkan oleh buah durian ialah ia kaya dengan antioksidan yang mampu membantu menghalang penyakit kanser.

"Kandungan folat dan zat besi di dalam buah durian juga akan membantu penghasilan sel darah merah. Ia membantu mengelakkan anemia atau sel darah merah yang rendah.

"Kandungan vitamin C yang ada pada buah durian bertindak membantu meningkatkan imuniti tubuh. Penyerapan zat besi juga lebih baik. Sementara, (kandungan) kalium dan kalsiumnya juga membantu meningkatkan kesihatan tulang dan menurunkan tekanan darah," katanya kepada *Sihat:Aktif.*

Bukan itu sahaja, menurutnya, penggemar buah durian juga akan mendapat manfaat melalui rumusan asid amino jenis *tryptophan* yang akan menghasilkan serotonin dan melatonin yang membantu mengawal emosi.

Menariknya, hasilnya mampu mengurangkan stres, insomnia dan depresi bahkan unsur *trytophan* durian membantu seseorang tidur dengan lebih lena.

Terang Ruqayyah lagi, kandungan serat di dalam durian turut membantu penghadaman tubuh.



RUQAYYAH

Serat yang tinggi akan mengurangkan masalah sembelit, usus tersumbat seterusnya boleh mengurangkan risiko kanser usus, ujar beliau panjang lebar.

## Implikasi

Dalam apa juga situasi, lazimnya kita digalakkan itu bersederhana. Begitu juga dalam konteks durian. Kepada penggemar buah itu, sebaiknya tidak dimakan secara berlebihan.

Buah durian mempunyai kalori yang tinggi apabila dinikmati dalam kuantiti yang banyak, kata Ruqayyah.

"Dua ulas buah durian sudah memberikan 60 kalori dalam 15 gram karbohidrat. Bayangkan jika diambil satu biji buah yang mempunyai berulas-ulas durian, ia sudah melebihi kalori harian.

"Ini antara penyebab durian sering dikatakan boleh menyebabkan kegemukan dan meningkatkan kolesterol, walhal tidak. Kolesterol hanya terdapat pada haiwan sahaja," jelasnya.

Ujarnya lagi, keadaan itu boleh berlaku jika pengambilan diet harian sudah tinggi kandungan lemak dan kolesterol.

"Jika hanya makan sekadar satu hingga dua ulas, ia langsung tidak akan meningkatkan paras kolesterol," kata Ruqayyah.

Seperkara menurutnya,



PESAKIT diabetes perlu berpada-pada ketika makan durian.



Sebarang ... ini boleh dia melkan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |



FOTO: ZAHID IZZANI

Nurnajmi bangga memiliki perusahaan ternakan sendiri

# Najmi ternak lembu, kambing biri-biri

## *Graduan PLKPK kongsi kisah kejayaan urus syarikat sendiri*

MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

Sejak usia 8 tahun, Nurnajmi Nasrun diajak turun padang membantu ayahnya menjaga serta memelihara kambing biri-biri dan lembu milik keluarga.

Jerit perih dan pengorbanannya berbaloi apabila dalam usia 21 tahun, Nurnajmi sudah boleh berbangga apabila memiliki syarikat sendiri di bawah label Najmi Ruminant Livestock Enterprise yang beroperasi di Semenyih.

Banyak perkara yang terpaksa ditempuhinya sebelum berjaya berada di tahap itu. Dia terpaksa melupakan keseronokan zaman kanak-kanak kerana masanya banyak dihabiskan di ladang dan kandang bagi membanting tulang membantu keluarga.

"Alhamdulillah, saya sangat tidak menyangka sudah berada di tahap ini. Ini bukan sesuatu yang mudah tapi tidak mustahil. Melalui semangat yang kuat dan iltizam yang jitu saya yakin rakan-rakan sebaya saya pun pasti boleh mencapai apa saja yang mereka impikan," ceritanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di ladang ternakannya baru-baru ini.

Berkat usaha tidak pernah jemu dan niat sucinya membantu ayah telah menunjukkan hasil.

Kini, jumlah ternakannya semakin berkembang dan dia memiliki 62 ekor lembu dan kambing biri-biri yang pada asalnya hanya berbelas ekor.

"Permulaannya saya ternak biri-biri 16 ekor, sekarang ada sekitar 50 ekor biri-biri dan lembu 12 ekor.

"Dulu lembu hanya ada dua ekor. Lepas saya jual pada tahun 2012, kita ambil dua ekor dan ia membiak jadi 12 ekor," katanya.

Najmi mengingatkan golongan belia sepertinya perlu bijak mengambil peluang yang ada meskipun pekerjaan yang dilakukan itu bukanlah dalam bidang yang glamor.

"Bidang ini sebenarnya menjanjikan pulangan yang baik sekiranya ada ilmu dan rajin berusaha. Kita kena berani dan buang persepsi negatif orang lain yang masih memandang rendah terhadap kerjaya sebagai petani atau penternak.

"Kita tak boleh sekat pandangan negatif orang. Saya sudah biasa, daripada umur 15 tahun orang bercakap-cakap dan hina, saya tak ambil peduli. Apa yang penting bagi saya adalah berusaha sehingga berjaya," katanya.



Kambing biri-biri yang diternak Nurnajmi di Semenyih kini berjumlah 50 ekor.

Berbekalkan wang sendiri dan sumbangan keluarga, dia membina kandang kambing biri-biri baharu, dengan modal RM8,000.

"Alhamdulillah kandang yang pada asalnya bersaiz 10x15 kaki persegi sekarang menjadi 40x20 kaki persegi setelah ditambah baik," katanya yang kini memperoleh pendapatan mencecah RM3,000 sebulan dan akan bertambah pada musim perayaan.



Nurnajmi memberi makanan kepada haiwan ternakannya di Semenyih.

## Manfaat program PLKPK

SELAIN mendapat pengalaman daripada ayah dan belajar sendiri, Najmi meningkatkan kemahiran dalam bidang penternakan di bawah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK).

Latihan kemahiran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu menyediakan latihan dalam bidang ternakan ruminan dan ternakan poltri. Latihan itu mengambil masa hampir dua tahun.

Tambahnya, latihan kemahiran di bawah program PLKPK ini memberi banyak manfaat antaranya ilmu-ilmu berkaitan kemahiran dalam bidang yang diceburinya.

"Saya telah mengaplikasikan semua ilmu yang diperoleh menerusi program itu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/9/2019 | THE STAR | NATION | 10 |

# 'Fix it before it's too late'

## Groups call for corals damaged by vessel to be restored

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A few days ago, a cargo ship was stranded in waters off Pulau Kalampunian off Kudat district due to navigational problems and the incident damaged corals in the area.

Now, tourism players and conservationists want the authorities and the vessel involved to take action, which includes restoring the corals damaged in the area.

Bluefin Surf and Dive founder Ivan Tan said the vessel ran aground on corals creating a path underwater through the fragile ecosystem.

"I can't say how serious exactly the damage is but I think the Sabah Parks and other relevant ministries should come and restore them," he said when contacted yesterday.

Tan added that the damaged area was close to a dive site known as Nemo Point and he along with other divers had gone to the area to check it out as they had to bring divers and snorkelling guides there for their activities.

He said a similar incident had occurred in the late 1970s or 80s but this time the damage could have a more far-reaching impact on marine life.

"We are hoping that restoration works could be conducted at those affected areas as these corals took between five and 10 years to grow," he said.

Kudat is part of the 898,762.76ha of Tun Mustapha Park which has a unique biodiversity that supports a series of complex and linked habitats.

It is also home to endangered species such as green turtles and dugongs.

Kudat Turtle Conservation Society chairperson Sofia Johari said based on a study by Universiti Malaysia Sabah (UMS), the affected area is an important foraging site for the protected Green and Hawksbill sea turtles.

"The damage to the area could have severe impact on sea turtle populations inhabiting the waters as well as those that travel in the region," she said.

> "The damage to the area could have severe impact on sea turtle populations inhabiting the waters."
>
> Sofia Johari





**Path of destruction:** The coral damage after the vessel (top) ran aground through the reefs in Kudat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | THE STAR | NATION | 10 |

# Fish farmer's switch to eel pays off

SETIU: A drop in demand for catfish led Zakaria Harun to switch to eels instead.

The fish farmer, who once had a career in the oil and gas industry, said at one point in 2012 he was producing 17 metric tonnes of catfish a month, but after the hunger for them fell due to pricing issue, he decided to taper his production to just five metric tonnes now.

Having already invested RM300,000 in his breeding set-up, he decided to go into eel farming where there is big export potential to countries such as South Korea and Japan, for food, medicine and cosmetics sectors.

Despite not having formal training in aquaculture, he experimented for about eight years to find a way to produce eels commercially.

"I have 121 ponds measuring 3m by 6m for the catfish which I used for my research into producing breeding stock.

"I bought nine pairs of eels weighing 6kg for RM132 in 2012. Since 2016, I have produced 300kg of eels for the local market," said Zakaria, 65, at his breeding base in Kampung Kubang Puyu near Langkap.

His trial-and-error method included a study on water quality, soil, breeding technique and food formulation (which is now Jakim-certified halal) to get good-size eels that are not susceptible to disease.

He said normally eels are caught in the marshes, padi fields and other boggy areas, but the amount is not enough to satisfy demand from mainly restaurants.

Zakaria is able to sell eels that are under 300gm at RM25 per kg, those between 300gm and 500gm at RM30 per kg and those between 500gm and 700gm at RM40 per kg.

His success has drawn the interest of an investment company from Kuala Lumpur that wants to start a 3,600-pond breeding facility over 20ha in Sungai Tong which is expected to be completed by 2021 and could become a Terengganu aqua tourism attraction.

Zakaria also revealed that his achievement has opened the eyes of many who have visited and joined an intensive course on going commercial.

"Among them are Aquaculture diploma students from Politeknik Jeli in Kelantan, lecturers and students from Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Kelantan and Universiti Sains Malaysia, and people who want to go into eel farming," he said. — Bernama



**No regrets:** Zakaria holding an eel from one of his ponds at Kampung Kubang Puyu near Langkap. The global demand for eels has helped Zakaria turn a profit with his venture. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 20 |



## >>Zakaria beli sembilan pasang belut untuk dijadikan induk pada 2012

HARIAN METRO



Kemerosotan permintaan ikan keli di pasaran ekoran persaingan sengit memberi idea kepada seorang penternak, Zakaria Harun, 65, untuk berubah dan menjadikan belut sebagai ternakan utama.

Zakaria yang pernah bekerja dalam bidang pengurusan dengan syarikat minyak dan gas berkata, pada awalnya beliau mengusahakan pusat penternakan ikan keli dengan modal permulaan RM300,000 dan pernah mengeluarkan 17 tan metrik ikan keli sebulan pada 2012.

Bagaimanapun, permintaan keli semakin merosot akibat saingan harga yang tidak kompetitif di pasaran membuatnya nekad beralih kepada penternakan belut kerana mempunyai potensi besar di pasaran dunia berikutan permintaan tinggi untuk dijadikan makanan, ubat-ubatan dan kosmetik di beberapa negara seperti Korea dan Jepun.

Lazimnya, belut yang dijual di pasaran tempatan adalah belut liar yang ditangkap di persekitaran paya, sawah atau kawasan berlumpur namun jumlah itu masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran terutama di restoran yang menjadikan haiwan itu sebagai sajian utamanya.

Tanpa pendidikan formal dalam bidang akuakultur, Zakaria sanggup melakukan kajian sendiri secara *trial and error* (cuba dan silap) selama kira-kira lapan tahun untuk menghasilkan benih belut bagi tujuan ternakan secara komersial dalam skala besar.

"Ketika menternak keli, saya mempunyai 121 kolam takungan berukuran 10 dan 20 kaki. Jadi saya gunakan kolam sama untuk membuat kajian bagi menghasilkan benih belut sendiri.

"Saya membeli sembilan pasang belut untuk dijadikan induk pada 2012 dengan berat keseluruhan enam kilogram dengan kos RM132 dan sejak 2016 saya menghasilkan 300 kilogram belut untuk dijual di pasaran tempatan," katanya di pusat ternakan belutnya di Kampung Kubang Puyu dekat Langkap di sini.

Zakaria berkata, kajian yang dilakukannya merangkumi pelbagai aspek seperti kualiti air, jenis tanah, makanan menggunakan formulasi sendiri serta teknik pembiakan yang berkesan untuk mendapatkan belut yang bersaiz besar, berisi

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/9/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 21 |

# Formula 8 tahun tauke belut

**Penternak komersial kini tarik yarikat pelabur buka 3,600 kolam**

al dan bebas daripada
hyakit.
'Kejayaan saya
nghasilkan benih belut itu
hirnya 'membuka mata'
iyak pihak yang mula
kunjung ke pusat ternakan
ut saya untuk mengikuti
rsus intensif mengenai
nik yang betul untuk
ngusahakannya secara
nersial.
Antara yang datang
uk berkursus di sini ialah
ajar Diploma Akuakultur
iteknik Jeli, Kelantan,
ajar dan pensyarah
i Universiti Malaysia
engganu, Universiti
laysia Kelantan dan
versiti Sains Malaysia
a individu yang mahu
mulakan penternakan
ut," katanya.
ebih menarik, formulasi
kanan ikan yang
silkan Zakaria turut
erima sijil halal
pada Jabatan Kemajuan
n Malaysia (Jakim).
etika ini, Zakaria
jual belut pada harga
5 sekilogram untuk
t bersaiz bawah 300
, RM30 sekilogram
k belut bersaiz
gram ke 500 gram dan
0 untuk belut bersaiz
gram ke atas.
jayaan beliau dalam
gusahakan belut secara
ersial turut menarik
atian sebuah syarikat

pelabur dari Kuala Lumpur yang ingin mengusahakan ternakan itu seluas 20 hektar di Sungai Tong di sini dengan sasaran 3,600 kolam takungan belut.

"Projek ternakan belut berskala besar itu dijangka siap sepenuhnya pada 2021 dan mampu menjadi satu lagi tarikan akua pelancongan di Terengganu," katanya yang turut mendapat sokongan Jabatan Perikanan dalam mengusahakan ternakan belut itu.

> **"Saya gunakan kolam sama untuk membuat kajian bagi menghasilkan benih belut"**
> *Zakaria Harun*



FOTO: MOHD KHAIRUL FIKIRI OSMAN



ZAKARIA menunjukkan ternakan belut di dalam kolam untuk tujuan pembiakan.



TERNAKAN belut di Kampung Kubang Payu dekat Langkap, Setiu.